



14 September 2016
14 September 2016
P.U. (A) 239

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN)
(KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN) 2016

*CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES)
(ADMINISTRATIVE REVIEW) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993
DAN
AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN)
(KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 28 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2016**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 14 September 2016 hingga 29 Mac 2019.

Duti anti-lambakan

2. Duti anti-lambakan hendaklah dilevi terhadap dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (3) ke dalam Malaysia oleh pengeksport atau pengeluar yang dinyatakan dalam ruang (4) pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5).

Pembayaran duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang kena dibayar di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara tunai.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual diperuntukkan bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (2).

Kesan terhadap duti import dan cukai barang dan perkhidmatan

5. Pengeanaan duti anti-lambakan di bawah Perintah ini tidaklah menjejaskan pengeanaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai barang dan perkhidmatan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*].

JADUAL [Perenggan 2] DUTI ANTI-LAMBAKAN

(1) <i>Nombor Kepala/ Subkepala mengikut Kod H.S. (Kod AHTN)</i>	(2) <i>Perihal Barang-Barang</i>	(3) <i>Negara</i>	(4) <i>Pengeksport/ Pengeluar</i>	(5) <i>Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]</i>
6811.82 100 dan 6811.82 900 (6811.82. 90 10 dan 6811.82. 90 90)	<i>Cellulose fibre reinforced cement flat dan pattern sheets dan secara khususnya mengecualikan external roofing</i>	Thailand	Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited	19.74%

Dibuat 14 September 2016

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt.7 Sk.11; 0.9060/18(SJ.19); PN(PU2)529/XXII]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967]

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993
AND
CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES)
(ADMINISTRATIVE REVIEW) ORDER 2016

IN exercise of the powers conferred by section 28 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [Act 504] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Anti-Dumping Duties) (Administrative Review) Order 2016**.

(2) This Order has effect for the period from 14 September 2016 to 29 March 2019.

Anti-dumping duties

2. Anti-dumping duties shall be levied on and paid by the importers in respect of the goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule exported from the country specified in column (3) into Malaysia by the exporter or producer specified in column (4) at the rate specified in column (5).

Payment of anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties payable under this Order shall be paid in cash.

Classification of goods

4. (1) The classification of goods specified in the Schedule shall comply with the Rules of Interpretation in the Customs Duties Order 2012 [P.U. (A) 275/2012].

(2) The heading or subheading numbers specified in column (1) of the Schedule are provided for ease of reference and have no binding effect on the classification of goods described in column (2) of the Schedule.

Effect on import duties and goods and services tax

5. The imposition of anti-dumping duties under this Order is without prejudice to the imposition and collection of—

(a) import duties under the Customs Act 1967; and

(b) goods and services tax under the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762].

SCHEDULE

[Paragraph 2]

ANTI-DUMPING DUTIES

(1) <i>Heading/ Subheading Numbers according to H.S. Code (AHTN Code)</i>	(2) <i>Description of Goods</i>	(3) <i>Country</i>	(4) <i>Exporter/ Producer</i>	(5) <i>Rate of Duties [Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value]</i>
6811.82 100 and 6811.82 900 (6811.82. 90 10 and 6811.82. 90 90)	Cellulose fibre reinforced cement flat and pattern sheets and specifically excluding external roofing	The Kingdom of Thailand	Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited	19.74%

Made 14 September 2016

[SULIT KE.HT(96)669/12-249 Klt.7 Sk.11; 0.9060/18(S).19); PN(PU2)529/XXII]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the Customs Act 1967]